

200 penduduk terjejas

PULAU PINANG 30 Nov. - Kira-kira 200 penduduk di lebih 10 kampung di Daerah Barat Daya terjejas selepas kawasan rumah mereka dinaiki air dalam kejadian banjir kilat malam tadi.

Malah, banjir kilat yang melanda ekoran hujan lebat yang mula turun kira-kira pukul 6 petang semalam menyebabkan 44 mangsa melibatkan 14 keluarga dari Kampung Nelayan, Teluk Kumbar terpaksa dipindahkan ke pusat pemindahan sementara setelah kediaman mereka dinaiki air sehingga ke paras pinggang.

Pemangku Pegawai Kebajikan, Pejabat Kebajikan Daerah Barat Daya, Ahmad Gazi Ahmad Bustamam berkata, mangsa terlibat mula dipindahkan ke pusat pemindahan di Dewan Perda Bandar Baharu Perda, Teluk Kumbar di sini bermula pukul 11 malam.

Bagaimanapun, katanya, semua mangsa terbabit telah dibenarkan pulang semula ke rumah masing-masing pada pukul 8 pagi ini selepas air banjir surut.

"Kita akan membuat pemeriksaan di semua rumah mangsa terlibat untuk melihat kerugian dan bantuan yang diperlukan mangsa.

"Pihaknya akan terus memantau keadaan di kawasan terlibat supaya bantuan segera dapat diberikan sekiranya banjir berulang selepas ini dan setakat ini sebanyak 22 tempat pemindahan telah digazetkan di seluruh Daerah Barat Daya sebagai langkah awal," katanya.

Tambah Ahmad Gazi, selain Kampung Nelayan beberapa kawasan lain seperti Kampung Suluk dan Teluk Kumbar, Kampung Sero-nok dan sekitar Bayan Lepas serta beberapa kampung di Balik Pulau

terjejas dalam kejadian terbabit namun tiada pemindahan penduduk dilakukan di kawasan berkenaan.

Sementara itu, seorang penduduk Kampung Sulup, Teluk Kumbar, Azli Bahri berkata, banjir mula berlaku kira-kira sejam selepas hujan lebat yang turun kira-kira pukul 6 petang semalam dan menjadi teruk sehingga ada kawasan dinaiki air sehingga paras pinggang.

"Keadaan agak teruk kerana air naik terlalu pantas sehingga rata-rata penduduk tidak sempat menyelamatkan harta benda mereka dan banjir berterusan sehingga awal pagi sebelum mulai surut pada pukul 3 pagi," ujarinya.

Katanya, keadaan banjir berkenaan surut sepenuhnya kira-kira pukul 5 hingga 6 pagi ini sebelum penduduk mula membersihkan rumah masing-masing setelah hari mulai cerah.



ANGGOTA bomba dan penyelamat meninjau dari rumah ke rumah yang ditenggelami banjir di Kampung Sulup, Teluk Kumbar, Pulau Pinang, awal pagi semalam. - BERNAMA